

KENYATAAN AKHBAR
OLEH KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
DI MAJLIS MENANDATANGANI DOKUMEN PERJANJIAN
BAGI PERKHIDMATAN PENGUJIAN PELEPASAN ASAP
KENDERAAN BERENJIN DIESEL
DI ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR DENGAN
SYARIKAT PUSPAKOM SENDIRIAN BERHAD
DI DEWAN BAIDURI
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PADA 23 OGOS 2013

Kenyataan akhbar ini adalah bertujuan untuk memberitahu masyarakat umum terutamanya tuan punya kenderaan serta pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan bahawa bermula pada 1 September 2013, semua kenderaan berenjin diesel yang telah dikeluarkan kompaun atau Notis Arahan atau Perintah Larangan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, akan diarahkan untuk menjalankan ujian pelepasan asap kenderaan di 42 buah pusat pengujian asap kenderaan PUSPAKOM Sdn. Bhd. yang terpilih di seluruh Negara. Dalam hal ini, satu Prosedur Tetap Operasi (SOP) yang komprehensif telah disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi melaksanakan kerja-kerja pengujian asap di PUSPAKOM kelak.

Pemeriksaan ke atas pelepasan asap dan gas-gas pencemar seperti karbon monoksida (CO), hidrokarbon (HC), oksida-oksida nitrogen (NOx) serta partikulat (PM) daripada ekzos kenderaan berenjin diesel mula dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 pada 1 September 1996 dan bagi kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 pada 1 November 1996.

Semenjak dari tarikh tersebut JAS telah melaksanakan operasi penguatkuasaan ke atas pelepasan asap kenderaan bermotor melalui tiga kaedah iaitu;

- i) **Operasi Statik** : Operasi ini dijalankan di seluruh negara di kawasan-kawasan strategik sepanjang jalan raya utama di mana kenderaan diesel yang didapati melepaskan asap hitam berlebihan akan ditahan dan diuji dengan menggunakan meter asap. Kompaun akan dikenakan '*on the spot*' bagi mana-mana kenderaan yang melepaskan asap hitam melebihi had 50 HSU. Perintah Larangan akan dikeluarkan jika kenderaan tersebut didapati melepaskan asap hitam melebihi 70 HSU;
- ii) **Operasi AWASI** : Melalui program '*Area Watch And Sanction Inspection*' (AWASI) ini, skuad Peronda JAS menjalankan rondaan di jalan-jalan dalam kawasan bandar dan persekitarannya. Apabila sesuatu kenderaan itu didapati melepaskan asap hitam, kenderaan itu akan ditahan dan ujian akan dilakukan ke atas kenderaan tersebut secara "*in-situ*". Tindakan serta-merta akan dikenakan ke atas pemandu-pemandu kenderaan yang gagal mematuhi had pelepasan asap hitam yang ditetapkan iaitu 50 HSU; dan
- iii) **Operasi visual kamera**: Setiap JAS Negeri telah melaksanakan pemantauan pelepasan asap hitam berlebihan secara visual dengan menggunakan **kamera video**.

Bagi ketiga-tiga kaedah di atas, setiap kenderaan diesel yang didapati tidak mematuhi standard pelepasan asap pada tahap 50 HSU diarahkan untuk menjalani ujian setelah kenderaan berkenaan dibaikpulih bagi memastikan kenderaan tersebut tidak mencemarkan alam sekitar apabila beroperasi semula di jalan raya.

Setakat ini kerja-kerja untuk menjalankan ujian pelepasan asap kenderaan terpaksa dilaksanakan di tempat-tempat awam seperti di kawasan stadium tempat letak kenderaan, di kawasan lapang yang berdekatan dengan pejabat-pejabat JAS negeri atau cawangan, dan tapak pasar malam. Ini menimbulkan keadaan yang kurang selesa kepada pemandu, orang awam dan juga kakitangan JAS sendiri di samping masalah kesukaran mendapat tempat yang sesuai untuk operasi tersebut.

Tindakan untuk “*outsourcing*” perkhidmatan ujian asap kenderaan ini adalah satu daripada usaha bagi merealisasikan aspirasi perkhidmatan awam ke arah “rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan” serta melaksanakan “*Blue Ocean strategy*” bagi mempertingkatkan lagi kecekapan perkhidmatan awam.

Dengan ini, secara langsung pegawai-pegawai penguatkuasa JAS akan dapat memberi lebih tumpuan ke atas kerja-kerja penguatkuasaan bagi memastikan setiap kenderaan yang bergerak di jalan raya mematuhi undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

23 OGOS 2013